

PENGENALAN

Di Malaysia, sejak Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 dikuatkuasakan pada tahun 1982, mengharamkan poligami di kalangan orang bukan Islam, poligami semakin dikaitkan dengan Islam.

Pada lewat 1970an dan awal 1980an, beberapa percubaan diambil untuk mengawal poligami di kalangan orang Islam. Namun, usaha ini tidak berapa berkesan. Paling menyedihkan adalah anggapan bahawa apa juga langkah yang diambil untuk membendung poligami dianggap tidak Islam kerana salah faham bahawa poligami adalah hak mutlak lelaki yang dijamin oleh Islam.

Sisters in Islam (SIS) ingin menyatakan bahawa Islam tidak mencipta atau menggalakkan poligami. Poligami tanpa had diamalkan sejak sebelum turunnya al-Qur'an. Ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan poligami jelas menghadkan amalan itu, bukan memberi kebebasan sepenuhnya.

Sejak kurun kesembilan belas, beberapa cendekiawan Islam termasuk Sheikh Muhammad Abduh, Mufti Besar Mesir sehinggalah kematiannya pada tahun 1905, telah menyatakan bahawa poligami diterima dengan berat hati oleh Islam kerana keadaan sedia ada pada masa ayat berkaitan diturunkan. Begitu juga perhambaan diterima dengan berat hati oleh Islam dengan mengadakan prinsip yang boleh dijadikan panduan untuk menghapuskannya. Penekanan diberi kepada penjagaan hamba dan pembebasan hamba sebagai sifat yang terpuji.

Prinsip di dalam al-Qur'an mengenai poligami yang boleh dijadikan panduan boleh dilihat pertama sekali dengan menghadkan bilangan maksimum isteri kepada empat, selepas itu menekankan keadilan dan kesaksamaan terhadap semua isteri, dan akhir sekali dengan menyatakan bahawa keadilan dan kesaksamaan tersebut tidak mungkin dicapai.

Mereka yang menyokong poligami menyatakan bahawa salah satu tujuan poligami adalah untuk mengurangkan masalah sosial seperti hubungan sulit, pelacuran dan lahirnya anak di luar nikah. Walau bagaimanapun, kebenaran berpoligami sebenarnya tidak menamatkan masalah sosial di kalangan umat Islam. Dalam beberapa kes, poligami mungkin menyumbang kepada masalah sosial di kalangan remaja yang dibesarkan dalam keluarga poligami yang tidak bahagia dan terabai.

Apa yang menyedihkan adalah apabila orang yang menyokong poligami seolah-olah tidak menghiraukan **perintah/mesej** al-Qur'an tentang poligami di dalam Surah an-Nisa 4:3, "*jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (antara isteri-isteri kamu), maka berkahwinlah dengan seorang sahaja*". Al-Qur'an adalah satu-satunya kitab suci yang mengandungi ayat "kahwinlah seorang sahaja". Satu lagi ayat terdapat di dalam Surah an-Nisa 4:129 yang menyatakan "*Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya)*".

Sekiranya hak wanita Islam dijaga dan diperkembangkan mengikut lunas-lunas al-Qur'an maka keadilan yang terkandung di dalamnya sudah pasti diberi perhatian.

Sisters in Islam

“Saya tak tahu pun yang dia dah kahwin dengan wanita lain. Dia balik ke rumah pada satu hari dan beritahu saya yang dia sudah kahwin lagi, macam beritahu yang dia dah naik gaji. Saya tak penting ke? Anak yang saya sedang susui ini, tak penting ke?”

-Wanita berumur 28 tahun, ibu kepada 2 orang anak.

“Setiap kali kami bertengkar, dia selalu cakap, “Ingat tempat engkau. Aku boleh kahwin lagi, nanti kau tahulah padahnya. Kau boleh setuju atau hidup tanpa suami – engkau pilihlah”. Pilihan apakah ini?”


-Wanita berumur 35 tahun.

“Bila saya beritahu dia bahawa saya tak percaya yang Islam membenarkan lelaki menganiayai wanita sebegini (poligami), dia kata yang saya melawan kata Allah, yang saya akan murtad sebab mempersoalkan hukum ini. Walaupun hati saya merasa yang ia salah, saya dah tak cakap apa-apa pun – dia mungkin ceraikan saya atas alasan yang saya ni dah murtad! Siapa yang akan sara saya dan anak saya nanti?”

-Wanita berumur 40 tahun, ibu kepada 4 orang anak, 2 masih bersekolah.

“Saya tak faham Yang Ariff. Jika dia menganggap dirinya suami yang mempunyai belas kasihan, kenapa dia tak kasihankan anak-anak kami?”

-Wanita berumur 39 tahun, ibu kepada lima orang anak, suami membuat permohonan kepada Mahkamah Wilayah Persekutuan untuk berpoligami, Januari 2001, Mingguan Wanita.



“Saya tidak tahupun dia sudah berkahwin lagi. Satu hari dia pulang ke rumah dan berkata bahawa dia telah berkahwin lain setelah telah memlartuka saya yang dia mendapat kesihatan gigi.”

S1. Kita selalu diberitahu bahawa poligami adalah hak lelaki Islam, yang diberi oleh Tuhan dan tiada apa pun yang boleh mengubahnya. Adakah ini benar?

Kebanyakan undang-undang Syariah yang terdapat pada masa ini adalah berdasarkan prinsip yang terdapat di dalam al-Qur'an. Terdapat dua ayat al-Qur'an yang membincangkan isu poligami, dan kedua-dua ayat ini terdapat di dalam Surah an-Nisa'.

Surah an-Nisa' 4:3 (terjemahan oleh Abdullah Yusuf Ali) menyatakan:

“Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap anak-anak yatim, maka berkahwinlah dengan perempuan yang kamu berkenan, dua, tiga atau empat. Tetapi jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (antara isteri-isteri kamu), maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja ...Yang demikian itu adalah lebih dekat, (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.”

Surah an-Nisa' 4:129 seterusnya menambah sekatan ini:

“Dan kamu tidak akan dapat, berlaku adil antara isteri-isteri kamu, sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya).”

Orang Islam yang berkata bahawa poligami adalah satu “hak” hanya berdasarkan pendapat mereka pada ayat *“maka berkahwinlah dengan perempuan yang kamu berkenan dua, tiga atau empat...”*.

Walaupun bagaimanapun, terdapat tiga ciri yang amat penting yang sering tidak diindahkan oleh mereka yang menganggap poligami sebagai satu “hak”.

Kebanyakan mereka tidak memberi perhatian kepada bahagian awal ayat di dalam Surah an-Nisa' 4:3, yang menyatakan *“Jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap anak-anak yatim, maka berkahwinlah dengan perempuan yang kamu berkenan, dua, tiga atau empat...”*. Adalah jelas di sini bahawa poligami bukanlah satu hak, tetapi adalah satu tanggungjawab dan sekatan untuk memastikan keadilan terhadap anak-anak yatim. Perkataan dan prinsip ayat mengenai poligami yang diturunkan setelah tragedi Perang Uhud menitikberatkan kebajikan dan perlindungan wanita dan kanak-kanak setelah kematian puluhan lelaki Islam dalam masyarakat Islam yang masih baru dibentuk di Madinah. Dalam situasi tersebut, Allah swt boleh terus membenarkan poligami tanpa had seperti yang diamalkan pada masa itu, tetapi sebaliknya, Allah swt menghadkan amalan tersebut kepada bilangan maksimum empat orang isteri.

Mengikut amalan sekarang amat jarang sekali poligami melibatkan persoalan isu penjagaan anak-anak yatim. Malah ramai yang langsung tidak tahu bahawa ayat tersebut merujuk kepada anak-anak yatim!

Selanjutnya ayat ini menyatakan *“Jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (antara isteri-isteri kamu), maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja,...Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.”* (Surah an-Nisa' 4:3). Sekali lagi amat jelas di sini bahawa al-Qur'an tidak menggalakkan poligami sebagai satu hak tanpa syarat, tetapi ia adalah untuk memastikan nasib balu dan anak yatim terbela.

Ini diperkuatkan lagi oleh ayat Surah an-Nisa' 4:129 yang menyatakan *“Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya)”*. Apabila al-Qur'an menegaskan dengan jelas mengenai keadilan terhadap wanita dan layanan yang adil terhadap para isteri, ia juga mengakui betapa mustahilnya memenuhi syarat

ini. Dengan menekankan keperluan bagi layanan yang adil dan saksama untuk kesemua isteri, ayat 4:3 tidak boleh dilihat sebagai menggalakkan poligami. Ia bukanlah satu perintah kepada lelaki untuk berpoligami. Sebaliknya ayat ini menggalakkan monogami sebagai perkahwinan yang unggul dan terbaik dalam Islam.

Beberapa tokoh reformasi abad **kesembilanbelas** seperti Sheikh Muhammad Abduh, Mufti Besar Mesir pada akhir abad tersebut, dan Sayyid Ahmad Khan serta Mumtaz Ali dari benua kecil India berpendapat bahawa institusi poligami hanya dibenarkan pada zaman dahulu, dan sepatutnya pada zaman ini, memberi laluan kepada monogami yang disarankan sebagai yang terbaik oleh al-Qur'an.

Dalam ulasan asalnya mengenai ayat tersebut, Abdullah Yusuf Ali menyatakan bahawa menurut kefahaman beliau, ayat berkenaan menyarankan monogami memandangkan keadilan mustahil dicapai dalam poligami. Apa yang menarik ialah penerbit buku tersebut kemudiannya sengaja mengeluarkan saranan dan ulasan Abdullah Yusuf Ali berkenaan monogami daripada edisi **terbaru/semakan** terjemahan al-Qur'an.

S2. Bukankah poligami juga satu sunnah menurut amalan Rasulullah saw?

Kebanyakan mereka yang berkata demikian, lupa atau gagal memahami sepenuhnya poligami yang diamalkan oleh Rasulullah *saw*.

Nabi Muhammad (*saw*) mengamalkan hubungan monogami bersama Siti Khadijah binti Khuwailid, yang berusia 15 tahun lebih tua daripada baginda, selama 28 tahun sehingga wafatnya Khadijah. Dalam jangkamasa 28 tahun ini, 17 tahun adalah sebelum baginda menjadi Rasul dan 11 tahun selepas menjadi Rasul. Selama 28 tahun itu, baginda tidak mengahwini wanita lain. Baginda berkahwin semula dua tahun selepas kematian Siti Khadijah, iaitu selepas perkahwinan tiga daripada empat orang anak perempuan baginda. Rasulullah amat merasai kehilangan Siti Khadijah kerana baginda bukan sahaja kehilangan seorang isteri, tetapi seorang sahabat dan rakan kongsi dalam perjuangan baginda.

Semasa Rasulullah *saw* mengamalkan poligami – yang merupakan adat orang Arab pada masa itu – baginda telah berusia 54 tahun. Baginda berkahwin sebanyak 11 kali dan kebanyakan perkahwinan baginda adalah dengan wanita yang berusia (balu dan janda yang mempunyai anak) kerana sebab-sebab politik dan puak. Baginda hanya mengahwini seorang dara iaitu Aishah kerana didesak oleh bapa Aishah iaitu Abu Bakar, khalifah Islam yang pertama. Rasulullah *saw* mengahwini sembilan wanita selepas Aishah dalam jangkamasa 5 tahun dan tidak pernah menceraikan wanita yang dikahwini baginda. Hanya seorang isteri yang memberi zuriat kepada Rasulullah *saw* iaitu Siti Khadijah ra, empat anak perempuan dan seorang anak lelaki. Anak lelaki baginda meninggal dunia semasa masih kanak-kanak.

Apabila kita melihat cara dan sebab baginda berkahwin sebelas orang wanita, ia menunjukkan bahawa baginda tidak berkahwin untuk mendapatkan keturunan, atau berkahwin dengan wanita muda untuk kepuasan nafsu. Malah, baginda mengamalkan poligami dengan tujuan menyebarkan agama Islam kepada masyarakat masa itu.

Kebanyakan perkahwinan poligami di Malaysia pada masa ini tidak mempunyai apa-apa persamaan dengan sunnah Rasulullah *saw*. Adalah tidak adil dan tidak patut bagi mereka yang ingin berpoligami membuat perbandingan mengenai tujuan mereka berpoligami dengan Rasulullah *saw*.

Apa yang lebih menarik adalah walaupun Rasulullah saw sendiri mengamalkan poligami, baginda telah menghalang menantu baginda, Saidina Ali Ibn Abi Talib ra yang telah berkahwin dengan anak baginda Fatimah az-Zahra', daripada melakukan perkara yang sama.

Ramai orang lupa mengenai hadis sahih (yang diriwayatkan di dalam Sunan Ibn Majah) yang melaporkan bahawa apabila Rasulullah saw, ditanya samada baginda akan membenarkan Saidina Ali berkahwin wanita lain, baginda menyatakan keengganan baginda, "...kecuali dan sehingga Ali Ibn Abi Talib menceraikan anakandaku, kerana sudah tentu dia (Fatimah) adalah sebahagian dariku dan apa-apa yang merunsingkan dan menyusahkan dirinya akan merunsingkan dan menyusahkan diriku; dan apa jua musibah yang menimpa dirinya akan menimpa diriku juga."

S3. Kenapa poligami dibenarkan oleh kebanyakan negara Islam?

Sebenarnya hanya sebilangan kecil negara Islam yang membenarkan poligami. Kebanyakan negara, termasuk Malaysia, mengawal poligami melalui undang-undang. Tunisia adalah sebuah negara Islam yang langsung TIDAK membenarkan poligami di bawah undang-undangnya.

Undang-undang yang membenarkan dan/atau menyekat poligami adalah berdasarkan tafsiran bahawa jika lelaki boleh berlaku adil terhadap semua isteri, maka dia boleh berkahwin sehingga empat isteri.

Walaubagaimanapun, al-Qur'an seterusnya menegaskan "*dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya)*". Apa yang amat mengecewakan adalah majoriti pakar dan penggubal undang-undang Islam tidak memberi kepentingan yang sewajarnya kepada ayat berkenaan walaupun maksudnya jelas.

S4. Saya dengar bahawa bilangan wanita adalah 14 kali ganda lebih banyak daripada bilangan lelaki di Malaysia. Bukankah baik jika poligami dibenarkan untuk memastikan terdapat orang yang boleh menjaga kaum wanita?

Perangkaan ini tidak benar sama sekali dan tidak diketahui dari mana datangnya perangkaan mitos ini. Adalah mustahil bagi mana-mana negara di dunia ini mempunyai bilangan sedemikian kecuali jika negara tersebut mengamalkan pembunuhan bayi lelaki. Setakat yang kami tahu, perkara begitu tidak berlaku di Malaysia.

Statistik Banci Penduduk Kebangsaan 1991 yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik, menunjukkan terdapat 104 lelaki bagi setiap 100 wanita. Hanya di kalangan "60 tahun dan ke atas" bilangan wanita melebihi jumlah lelaki. Ternyata alasan yang diberikan tidak mempunyai landasan kukuh.

S5. Apakah kedudukan undang-undang keluarga Malaysia mengenai poligami?

Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa setiap negeri di Malaysia berhak menentukan undang-undang keluarga Islam masing-masing. Setiap negeri di Malaysia telah memilih untuk membenarkan poligami yang bersyarat. Lelaki Islam menghadapi pelbagai syarat mengikut undang-undang sebelum mereka dibenarkan berkahwin isteri yang kedua (atau ketiga atau keempat).

Oleh itu, undang-undang Syariah bagi setiap negeri adalah berbeza. Contohnya di Perak, keputusan berpoligami dibuat oleh suami sahaja dan kebenaran mahkamah Syariah tidak diperlukan. Kelantan dan Terengganu pula telah memansuhkan syarat-syarat khusus bagi poligami tetapi memberi laluan kepada hakim mahkamah Syariah untuk menggunakan budi-bicara semasa mengambil keputusan samada seorang suami layak berkahwin sekali lagi.

Ini bermakna undang-undang di sesetengah negeri adalah lebih ketat berbanding dengan negeri yang lain dan ini telah menyebabkan ada jalan keluar dalam perundangan. Contohnya, untuk mengelakkan undang-undang di negerinya, suami boleh pergi ke negeri lain di dalam Malaysia, dan ada juga yang melangkah sempadan antarabangsa untuk berpoligami tanpa kebenaran isteri/isteri-isteri yang sedia ada.

Periksa peraturan di negeri anda. Anda boleh mendapat maklumat lanjut dengan meminta bantuan dari Biro Bantuan Guaman Negeri atau Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam di negeri anda. Nombor telefon mereka ada tertera di bahagian belakang buku ini.


Di setiap negeri, semua permohonan berpoligami wajib melalui mahkamah Syariah di negeri masing-masing. Adalah menjadi kesalahan sekiranya seorang suami tidak memohon kebenaran mahkamah sebelum melangsungkan perkahwinan yang baru. Hakim akan melihat keperluan undang-undang sebelum menimbang permohonan berpoligami.

S6. Jika suami boleh disabit kesalahan sekiranya dia berpoligami tanpa kebenaran mahkamah, mengapa perkahwinan itu masih diakui, walaupun ia dilakukan di luar Malaysia?

Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam menganggap perkahwinan poligami yang dilakukan tanpa kebenaran mahkamah sebagai satu kesalahan. Walaubagaimanapun, perkahwinan tersebut masih boleh didaftarkan dengan pembayaran **penalti/denda** oleh suami. Undang-undang sebenarnya menetapkan suami harus membayar denda tidak melebihi RM1000 atau menjalani hukuman penjara tidak lebih dari enam bulan.

Namun begitu, tidak ada satu kes pun suami dipenjarakan. Kebanyakan bayaran denda tidak melebihi RM300! Ramai yang berpendapat bahawa **penalti/denda** yang sebegini rupa hanya memudahkan suami berpoligami dahulu dan kemudian baru memberitahu mahkamah kerana mereka tahu bahawa mereka hanya akan dikenakan denda yang rendah.

SIS sentiasa mempersoalkan jumlah ini kerana denda ini tidak dapat bertindak sebagai pencegah kepada jumlah perkahwinan yang melanggar undang-undang meningkat dari tahun ke tahun. Memorandum kami iaitu "Memorandum Pembaharuan Undang-Undang Keluarga Islam Mengenai Poligami" telah menyarankan pindaan bayaran **penalty/denda** iaitu bayaran minimum RM1000 dan penjara mandatori tidak kurang daripada empat minggu dikenakan bagi menghalang suami mengambil peluang terhadap kelonggaran perundangan dan menghentikan mereka daripada menghina undang-undang.



Ada suami yang sanggup berkahwin lain di samping kerana undang-undang di negeri mereka memperbolehkan mahkamah mendapatkan persetujuan isteri atau isteri-isteri yang sedia ada untuk berkahwin lain.

S7. Patutkah isteri sedia ada turut terlibat? Bukankah kebenarannya perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum suami dibenarkan berkahwin lagi? Tidakkah dia berhak menyekat perkahwinan kedua?

Daripada segi teori, kebanyakan undang-undang negeri telah menetapkan bahawa isteri perlu dimaklumkan mengenai permohonan poligami suami. Undang-undang juga membenarkan isteri hadir semasa perbincangan dan menyatakan pandangannya mengenai perkara tersebut. Dalam banyak situasi, isteri juga akan diberi sesalinan borang permohonan suami dan **deklarasi/pernyataan** serta dokumen-dokumen sokongan.

Tiada negeri di Malaysia yang memperuntukkan kebenaran isteri/isteri-isteri sebagai keperluan wajib sebelum suami dibenarkan berkahwin lagi. Namun begitu, undang-undang di kebanyakan negeri memperuntukkan supaya kebenaran atau pandangan isteri/isteri-isteri dipertimbangkan oleh mahkamah.

Satu contoh ialah kes yang dipetik daripada Mingguan Wanita Januari 2002. Isteri memberitahu Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan bahawa dia tidak bersetuju dengan permohonan suaminya untuk berpoligami kerana suaminya hanya berpendapatan RM1600 dan ini tidak mencukupi untuk menyara keluarga sedia ada dengan lima orang anak. Dia menambah bahawa gajinya hanyalah RM1000 dan adakalanya dia terpaksa menjual kuih dan biskut untuk menampung perbelanjaan.

Hakim telah menolak permohonan suami berdasarkan alasan bahawa dia gagal membuktikan keupayaannya menyara dua buah keluarga.

Oleh kerana terdapat undang-undang negeri-negeri tertentu yang memerlukan mahkamah meminta pandangan isteri atau isteri-isteri, terdapat suami yang menyeberangi sempadan untuk mengahwini wanita lain.

Pada hakikatnya, kebenaran isteri hanyalah salah satu faktor yang akan dipertimbangkan oleh mahkamah. Terdapat kes di mana telah menjadi amalan seorang hakim untuk menyoal isteri-isteri yang memberi kebenaran supaya menerangkan sebab kebenaran itu diberikan. Kerap kali isteri memberitahu mahkamah bahawa dia terpaksa memberi kebenaran kerana takut akan diceraikan

atau kehilangan anak-anaknya. Jelas sekali, persetujuan isteri tidak diberi dengan rela hati tetapi terpaksa atau tertekan. Maklumat ini dengan sendirinya mungkin tidak boleh menjadi faktor penentu, tetapi sekurang-kurangnya mahkamah mengetahui cara isteri tersebut dilayan di dalam rumahtangganya sendiri dan ini memberi gambaran buruk tentang permohonan suami untuk berpoligami.

S8. Jika saya enggan memberi kebenaran untuk suami berkahwin lagi, adakah saya nusyuz?

Kami merujuk kepada kebijaksanaan hadith sahih (yang diriwayatkan di dalam Sunan Ibn Majah) yang melaporkan bahawa Nabi Muhammad saw tidak membenarkan menantunya, Saidina Ali Ibn Abi Talib ra yang berkahwin dengan anak perempuan Rasulullah saw, Fatimah, berkahwin lagi "*...kecuali dan sehingga Ali Ibn Abi Talib menceraikan anakandaku, kerana sudah tentu dia adalah sebahagian dariku dan apa-apa yang merunsingkan dan menyusahkan dirinya akan merunsingkan dan menyusahkan diriku; dan apa-apa musibah yang menimpa dirinya akan menimpa diriku juga.*"

Jelas di sini, sekiranya Nabi Muhammad saw merasakan bahawa puteri baginda harus membenarkan Saidina Ali berkahwin lagi, maka baginda akan bersabda sedemikian. Tetapi, baginda begitu tegas dalam menunjukkan sokongan dan simpati baginda terhadap perasaan dan kesedihan yang dirasai oleh puteri baginda.

Cicit baginda (Sakina, anak kepada Hussein dan cucu kepada Fatimah dan Ali) telah meletakkan pelbagai syarat di dalam perjanjian perkahwinan (**taklik**) beliau, termasuk syarat yang tidak membenarkan suami berkahwin lain selagi masih berkahwin dengannya (dilaporkan dalam Kitab Al-Muraddafat).

Berdasarkan contoh soalan 7, kita mendapati kes di mana isteri begitu kuat menentang permohonan suami. Hakim tidak mengisytiharkannya sebagai 'nusyuz' hanya kerana dia menentang permohonan tersebut.

Oleh itu, ternyata bahawa jika isteri tidak membenarkan suami berpoligami ia tidak akan menyebabkan isteri 'nusyuz'. Walaubagaimanapun, ada suami yang menggunakan "nusyuz" sebagai alasan untuk berkahwin wanita lain.

S9. Apakah bakal isteri akan dipanggil semasa perbincangan?

Undang-undang di Malaysia tidak mewajibkan keperluan ini. Namun begitu, sebagai contoh, di Singapura, bakal isteri dikehendaki menghadiri perbincangan, kerana bagi sesetengah kes dia mungkin tidak tahu bahawa lelaki yang akan dikahwininya telah berkahwin. Berdasarkan pandangan mahkamah, seorang lelaki yang tidak memberitahu bakal isteri mengenai status perkahwinannya mencerminkan keperibadian yang kurang baik tentang dirinya. Kadangkala wali nikah bakal isteri itu dipanggil untuk dirujuk.

S10. Adakah cara bagi memeriksa samada bakal suami anda telah berkahwin atau belum? Tidakkah undang-undang menetapkan supaya setiap suami mendaftarkan perkahwinannya?

Ya, undang-undang mewajibkan pendaftaran perkahwinan. Walaubagaimanapun, masih tidak terdapat satu sistem pendaftaran berkomputer bagi perkahwinan orang-orang Islam. Ini bermakna bahawa mahkamah dan Jabatan Agama Negeri tidak dapat memastikan dengan segera samada


bakal suami telah atau belum berkahwin. Oleh itu, adalah sukar memastikan status perkahwinan seorang bakal suami. Anda mungkin terpaksa membuat pemeriksaan di setiap negeri untuk mendapat maklumat ini.

S11. Bagaimana sekiranya isteri kedua mendapat tahu bahawa suaminya sudah beristeri hanya selepas akad nikah dijalankan? Atau, jika isteri pertama mendapat tahu bahawa suaminya telah berkahwin dengan wanita lain tanpa pengetahuannya? Bolehkah penipuan digunakan sebagai alasan perceraian?

Perjanjian “taklik” yang terdapat pada masa ini tidak memberi peruntukan kepada perkara tersebut. Ia hanya memperuntukkan perceraian bagi kes-kes ditinggalkan suami, tiada saraan hidup atau kezaliman. Negara-negara Islam seperti Syria, Jordan, Maghribi, Mesir dan Iran, telah menerima pakai syarat-syarat yang terdapat di dalam perjanjian perkahwinan yang dipersetujui oleh suami. Sekiranya suami bersetuju tidak berkahwin lain dalam tempoh perkahwinan, maka dia terikat dengan syarat tersebut. Kesedaran tentang hak menetapkan syarat ini adalah tinggi di negara-negara tersebut dan ramai pasangan memasukkan syarat demikian di dalam perjanjian perkahwinan mereka.

Di Malaysia, Seksyen 22(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 membenarkan pendaftaran taklik tambahan di dalam sijil perkahwinan. Walaubagaimanapun, amalan ini tidak selalu dilakukan. Kebanyakan kita tidak menyedari bahawa kita boleh memasukkan syarat ini ke dalam perjanjian perkahwinan. Bagi mereka tahu mengenainya, ramai wanita masih teragak-agak untuk meminta syarat ini dimasukkan kerana mereka merasa tindakan ini sebagai mencabar undang-undang dan kepercayaan terhadap suami.

SIS berpendapat bahawa syarat ini harus dimasukkan ke dalam perjanjian taklik yang sedia ada untuk melindungi wanita, dan setiap pasangan boleh memilih samada untuk memotong atau menerima syarat ini. Jika syarat ini tidak dipatuhi oleh suami, isteri berhak untuk bercerai secara taklik. Kami juga berpendapat bahawa sekiranya suami melanggar mana-mana syarat perjanjian, ia memberi hak kepada isteri untuk memohon perceraian dan mendapat “muta’ah” (bayaran pampasan), kerana isteri terpaksa memohon bercerai setelah berlaku kemungkiran perjanjian taklik.



Negara-negara Islam seperti Syria, Jordan, Maghribi, Mesir dan Iran, telah menerima pakai syarat-syarat yang terdapat dalam perjanjian perkahwinan yang dipersetujui oleh suami, di mana suami bersetuju tidak berkahwin lain sepanjang tempoh perkahwinan tersebut.

S12. Adakah faktor kewangan menjadi faktor penentu samada seorang lelaki boleh berkahwin lagi?

Tidak. Jika begitu, semua lelaki kaya boleh berpoligami! Faktor kewangan sahaja tidak cukup untuk menyokong kes poligami. Ini telah ditetapkan di dalam Kes Rayuan Shariah 1990 di Selangor iaitu kes Aishah Abdul Rauf lawan Wan Mohd Yusof bin Wan Othman. Di dalam kes ini, Jawatankuasa Rayuan menolak permohonan Wan Mohd. Yusof walaupun berpuas hati bahawa pemohon mampu menyara perkahwinan poligami yang dicadangkannya.

Namun begitu, kemampuan kewangan adalah satu faktor yang dipertimbangkan. Biasanya pemohon harus menunjukkan bahawa dia berkemampuan menyara satu lagi rumahtangga. Dia harus menunjukkan butir-butir komitmennya, tanggungjawab kewangan dan liabiliti, dan jumlah orang tanggungannya (keluarga terdekat, ibubapa dan lain-lain). Dia juga, contohnya, perlu mengemukakan bukti dokumen daripada majikan atau syarikat, dan juga bayaran hasil dalam negeri bagi membuktikan jumlah gajinya yang sebenar.

Terdapat juga kes hakim menemuduga pemohon dan isterinya berkenaan perbelanjaan rumahtangga (termasuk duit saku dan perbelanjaan anak-anak, dan lain-lain). Setelah disoal selidik, berkemungkinan pemohon tidak mampu menyara sebuah lagi rumahtangga. Kadangkala hakim merujuk kepada bakal isteri (di dalam kes yang dia dipanggil semasa perbicaraan) berkenaan saraan yang dikehendakinya sebagai menilai kemampuan suami.

Faktor isteri sedia ada atau bakal isteri mempunyai pendapatan sendiri bukanlah menjadi faktor yang menentukan kemampuan pemohon.

S13. Selain daripada kemampuan kewangan, apa faktor lain yang akan diambil kira semasa permohonan berpoligami dipertimbangkan?

Selain daripada negeri Perak, Kelantan dan Terengganu yang telah memansuhkan syarat-syarat berpoligami, negeri-negeri yang lain secara teorinya telah menetapkan empat syarat sebelum seorang lelaki dibenarkan berkahwin lain:

- ◆ bahawa perkahwinan yang dicadangkan mestilah **patut dan perlu**,
- ◆ bahawa suami haruslah berkemampuan daripada segi **kewangan** untuk melakukan sedemikian,
- ◆ bahawa suami akan memberi **layanan sama rata** terhadap isteri/isteri-isteri sedia ada, dan
- ◆ perkahwinan yang dicadangkan **tidak akan menyebabkan darar syarie** (bahaya atau musibah) kepada isteri sedia ada.

Bagi tujuan untuk melindungi wanita, setiap syarat adalah sama pentingnya dengan syarat-syarat yang lain dan harus dibuktikan secara berasingan. Namun begitu, daripada segi amalan, ramai wanita telah melaporkan bahawa terdapat hakim yang hanya memberi penekanan kepada kemampuan kewangan seorang lelaki untuk menyara lebih daripada satu keluarga.

Daripada empat syarat tersebut, hanya syarat kewangan yang boleh dibuktikan secukupnya (dengan menunjukkan penyata pendapatan, dokumen, borang cukai, dan lain-lain). Ketiga-tiga syarat yang lain bergantung kepada tafsiran manusia, yang membawa kepada perbezaan pendapat. Al-Qur'an dengan jelas telah menyatakan "*Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya)*", tetapi secara logik tidak menggariskan secara terperinci apa yang dimaksudkan sebagai keadilan.

Di dalam kes Aishah Abdul Rauf, suami hanya telah menyatakan bahawa dia akan berlaku adil di dalam perhubungan perkahwinan tanpa memberi apa-apa bukti dan sokongan saksi. Ia dianggap sebagai tidak mencukupi untuk menentukan kebolehnya berlaku adil terhadap isteri sedia ada dan bakal isteri. Ini juga telah menjadi sebab mengapa Jawatankuasa Rayuan menolak permohonan suami Aishah.

Mengenai syarat terakhir, iaitu samada perkahwinan yang dicadangkan akan menyebabkan darar syarie, juga sukar untuk diukur dan dibuktikan. Mungkin boleh dikatakan bahawa perkahwinan tersebut sudah tentu akan menyebabkan darar syarie sekiranya isteri sedia ada menentang dengan keras.

S14. Adakah darar syarie termasuk di dalam syarat bahawa perkahwinan yang dicadangkan haruslah tidak merendahkan taraf kehidupan yang dinikmati oleh isteri dan anak-anak sedia ada?

Pernah terdapat syarat kelima di dalam undang-undang di mana setiap suami harus membuktikan bahawa perkahwinan yang dicadangkan tidak akan, secara langsung atau tidak langsung, mempengaruhi taraf kehidupan yang dinikmati oleh isteri/isteri-isteri sedia ada. Syarat ini melindungi isteri-isteri sedia ada bagi memastikan mereka tidak mengalami masalah kewangan akibat perkahwinan yang dicadangkan.

Malangnya, syarat ini telah dimansuhkan. Para suami tidak lagi perlu membuktikan syarat ini. Akibatnya terdapat **banyak/ramai** keluarga sedia ada yang mengalami masalah kewangan yang teruk, lebih-lebih lagi apabila mereka diharapkan untuk bersabar dan berpuas hati dengan apa yang mereka terima. Penderitaan jasmani dan rohani yang dialami dalam keadaan ini boleh mengakibatkan darar syarie. Bagaimanapun, sebagaimana yang dinyatakan di atas, apa yang dianggap sebagai darar syarie banyak bergantung kepada tafsiran manusia.

Di dalam memorandum kami, SIS menyokong supaya syarat ini dimasukkan kembali ke dalam undang-undang untuk memberi perlindungan yang sepatutnya kepada wanita.

S15. Sesetengah wanita diberitahu bahawa jika mereka tidak membenarkan suami mereka berkahwin lagi ia akan menyebabkan suami mereka melakukan "zina". Adakah faktor "takut akan berlaku zina" boleh diterima oleh mahkamah sebagai "patut dan perlu"?

Pendapat sedemikian sebenarnya menghina al-Quran. Ayat al-Qur'an tidak mengatakan bahawa takut melakukan zina boleh dijadikan sebagai satu alasan berpoligami. Begitu juga tidak ada undang-undang di Malaysia yang mengatakan bahawa nafsu boleh dijadikan alasan berpoligami.

Di dalam kes Aishah Abdul Rauf, mahkamah rendah Syariah telah menerima hujah “untuk mengelakkan dia daripada melakukan dosa” berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah ibn Masud, yang mana setelah diterjemahkan memberi makna yang berikut:

“Wahai orang-orang yang beriman, sesiapa diantara kamu yang berkemampuan haruslah berkahwin kerana ini akan menolong kamu dari jatuh ke lembah yang memalukan ...”

Walaubagaimanapun, Jawatankuasa Rayuan telah menolak hujahan ini sebagai tidak relevan bagi poligami kerana hadith tersebut ditujukan kepada orang bujang yang masih belum berkahwin. Adalah amat membimbangkan apabila hadith ini “disalahguna” oleh mahkamah rendah untuk menyokong permohonan suami.

Tambahan lagi, apabila pemohon memetik hadith tersebut untuk menyokong permohonan mereka, para hakim harus mengingatkan mereka tentang Surah an-Nur 24:33 yang menyatakan “...dan orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin hendaklah menjaga kehormatannya”. Daripada segi praktikal, para hakim patut sentiasa mengingatkan pemohon bahawa mereka telah pun mempunyai pasangan untuk berkongsi hubungan perkahwinan. Jawatankuasa Rayuan juga menyatakan bahawa orang Islam seharusnya berkemampuan menjauhkan diri mereka daripada melakukan zina.

Majalah Mingguan Wanita, Januari 2002 telah memaparkan satu lagi kes yang menggunakan hujahan “poligami adalah lebih baik daripada berzina”. Di dalam kes tersebut, suami telah melangsungkan perkahwinan poligami di luar negara tanpa kebenaran mahkamah. Beliau telah mengaku bersalah dan menyatakan bahawa perkahwinan tersebut adalah untuk “mengelakkan maksiat”. Beliau juga memohon agar hukuman ringan dikenakan kerana gajinya yang kecil.

Hakim Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan telah memarahi lelaki tersebut kerana berani memohon agar denda dikurangkan apabila telah ternyata bahawa dia tidak memikirkan keadaan kewangannya atau isteri dan enam orang anaknya semasa dia berkahwin lagi. Hakim tersebut juga tidak menyenangi alasan ‘menjauhi maksiat’ oleh pemohon, dan telah menyatakan bahawa alasan tersebut sering digunakan oleh lelaki yang mahu berpoligami. Hakim telah mensabitkan kesalahan dan mendenda suami dan isteri kedua sebanyak RM950 seorang, dan sekiranya denda tidak dibayar, mereka akan dikenakan penjara selama dua bulan.

Kaum Adam, bukan seperti malaikat ataupun haiwan, telah dikurniakan oleh Allah dengan nafsu dan akal. Untuk memastikan umat manusia berada di kedudukan yang lebih tinggi di kalangan tiga makhluk ciptaan Allah, akal manusia harus mengawal nafsu dan bukan sebaliknya.

S16. Bagaimana jika pasangan tidak mempunyai anak? Adakah perkahwinan poligami menjadi “patut dan perlu”?

Islam meminta setiap pasangan menetapkan hal-hal kekeluargaan berdasarkan perundingan dan persetujuan bersama. Sepatutnya soal anak menjadi perkara yang perlu dibincangkan dan diputuskan dan diambil keputusan bersama oleh pasangan berkahwin. Isteri mempunyai hak untuk mendapat anak seperti juga suami. Kedua-dua pihak harus menjalani pemeriksaan perubatan yang rapi. Sains perubatan telah menunjukkan bahawa bagi kes-kes pasangan yang tidak mempunyai anak, satu pertiga adalah kerana kesihatan wanita, satu pertiga adalah kerana lelaki dan satu pertiga adalah kerana sebab-sebab yang tidak diketahui. Kedua-duanya mungkin tidak berkemampuan secara fizikal, tetapi ia tidak sepatutnya menjadi sebab untuk menamatkan perhubungan. Pengambilan anak angkat boleh menjadi salah satu alternatif.

Walau apa alasannya, ketiadaan anak bukanlah menjadi sebab saranan al-Qur’an bagi menyokong poligami. Ia adalah hak Allah untuk mengurniakan anak atau tidak kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Seperti yang terdapat di dalam Surah al-Shura 42:49 & 50:

"Bagi Allah jualah hak milik segala ada di langit dan di bumi; Dia menciptakan apa yang dikehendakiNya, dan mengurniakan anak-anak perempuan kepada sesiapa yang dikehendakiNya; dan mengurniakan anak-anak lelaki kepada sesiapa yang dikehendakiNya. Atau Dia mengurniakan mereka kedua-duanya - anak-anak lelaki dan perempuan, dan Dia juga menjadikan sesiapa yang dikehendakiNya mandul. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui, lagi Maha Berkuasa".

S17. Bagaimana pula dengan ketidakupayaan untuk menjalinkan hubungan perkahwinan? Adakah ia diterima sebagai alasan untuk berpoligami?

Ini adalah satu isu yang luas. Sebaik-baiknya kedua-dua belah pihak merujuk kepada kaunseling perubatan dan perkahwinan. Setiap kes bergantung kepada faktor masing-masing.

Terdapat kes yang mengisahkan perkara ini. Dalam satu kes, pasangan tersebut telah berkahwin selama 29 tahun. Setelah menimbangkan perkara tersebut, mahkamah mendapati isteri telah menguruskan keperluan keluarga selama 29 tahun. Anak-anak telah dilahirkan dan dijaga. Sekarang dia memerlukan perhatian dan penjagaan sebagai balasan daripada keluarganya. Permohonan suaminya untuk berkahwin lain dengan alasan tidak berkeupayaan menjalinkan perhubungan perkahwinan tidak dibenarkan.

S18. Saya rasa suami saya tidak berlaku adil – dia menyara saya dan anak-anak tetapi jarang tinggal bersama saya, itu pun mungkin sekali dalam seminggu. Saya tidak tahu sebanyak mana dia menghabiskan masa bersama isterinya yang lain. Dia tidak pernah ada untuk membantu saya atau anak-anak. Bagaimana saya boleh tahu samada dia “adil dan saksama”? Apa yang boleh saya buat?

“Adil dan saksama” adalah satu cabaran di mana tiada ada seorang lelaki boleh mendakwa yang dia boleh mencapainya, seperti yang dinyatakan di dalam Surah an-Nisa 4:129 “Dan kamu tidak akan dapat berlaku adil di antara isteri-isteri kamu sekalipun kamu bersungguh-sungguh (hendak melakukannya)”, apalagi untuk disukat dan diukur oleh hakim.

Ia bergantung sepenuhnya kepada budi bicara hakim sekiranya anda inginkan bantuan mahkamah meminta suami anda menghabiskan lebih banyak masa bersama keluarga anda. Seksyen 128 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 menyatakan bahawa seorang suami yang gagal memberi keadilan kepada isterinya telah melakukan satu kesalahan.

Akhir sekali, ia bergantung sama ada suami anda menghargai perhubungannya dengan anda. Dapatkan sokongan kumpulan wanita (nombor telefon mereka tertera di belakang buku ini) atau sahabat yang boleh membantu anda memikirkan pilihan lain. Anda tidak perlu melalui situasi ini seorang diri.

S19. Suami saya mempunyai isteri kedua selama 2 tahun, manakala saya telah mengahwininya selama 18 tahun. Kekayaan yang kami miliki bersama kesemuanya di atas nama suami kerana dia mendesak saya agar mempercayainya dan saya meletakkan sepenuh kepercayaan kepadanya untuk menguruskan kewangan keluarga. Sekarang saya mendapat tahu bahawa dia telah menukar kebanyakan harta kami kepada nama isteri keduanya. Saya takut saya dan anak-anak akan mengalami kesukaran kewangan sekiranya sesuatu menimpa diri suami saya. Apa yang patut saya lakukan?

Mungkin anda boleh membuktikan di mahkamah bahawa harta tersebut diperolehi hasil sumbangan anda dan suami, jika anda mempunyai bukti yang menunjukkan anda menyumbang kepada perolehan harta tersebut. Namun begitu, ini mungkin sukar dibuktikan dan ia juga bergantung kepada budi bicara hakim. Undang-undang juga ada menyatakan bahawa sumbangan anda kepada kesejahteraan keluarga sebagai isteri dan ibu memberi anda hak kepada harta sepencarian walaupun anda tidak memberi apa-apa sumbangan kewangan. Di dalam kes begini, mahkamah biasanya memberi wanita sebanyak satu pertiga bahagian harta tersebut.

Di Mahkamah Syariah Singapura, terdapat kes-kes di mana wanita yang telah lama berkahwin diberi hak sebanyak separuh bahagian rumah kelamin, walaupun isteri tidak memberi apa-apa sumbangan kewangan kepada pembelian harta tersebut. Kebajikan anak-anak di bawah penjagaan wanita juga diberi perhatian. Dalam sesetengah kes wanita telah memberi sumbangan kewangan kepada pembelian hartanah dan walaupun sumbangan tersebut adalah kurang daripada sumbangan suami, wanita tersebut telah diberi hak lebih daripada separuh bahagian nilai rumah kelamin. Dalam lain perkataan, sumbangan kewangan dan sumbangan tenaga isteri telah digabungkan untuk memberi isteri hak yang lebih kepada rumah kelamin.

Di Malaysia, salah satu cara melindungi kestabilan ekonomi anda ialah dengan memastikan sebahagian harta terletak di bawah nama anda sahaja.

SIS mempunyai pendirian yang tegas mengenai isu kurangnya perlindungan kewangan untuk wanita dan telah menyarankan supaya diadakan satu garis panduan yang ketat untuk melindungi isteri dan anak-anak yang teraniaya.

Kami telah membuat dua saranan di dalam "Memorandum Pembaharuan Undang-Undang Keluarga Islam Mengenai Poligami". Pertama, kami menyarankan supaya undang-undang sedia ada dipinda bagi memastikan bahawa sebelum suami melangsungkan perkahwinan yang baru, mahkamah harus secara automatik memberi perintah kepada suami untuk memindahkan bahagian harta sepencarian kepada isteri pertama daripada harta yang telah didaftarkan di atas nama suami tanpa memerlukan isteri membuat permohonan khusus mengenai perkara tersebut.



Das kamu tidak akan dapat berlakunya adit di antara isteri-isteri kamu selatipar kamu bersempukan-sungpak (Andak mabukaknya)" - Surah An-Nisa' 4:129

Cadangan kami yang kedua ialah jika suami berkahwin di luar sempadan dan tidak mendaftarkan perkahwinannya, isteri pertama boleh memohon kepada mahkamah supaya memindahkan bahagian daripada harta sepencarian kepada nama isterinya.

Surah al-Hujarat 49:3 menyatakan bahawa:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu berpasangan lelaki dan perempuan....Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang-orang yang lebih taqwanya d iantara kamu...

Surah Rum 30:21 menyatakan:

Dan diantara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan rahmatNya, bahwa Dia menciptakan untuk kamu pasangan-pasangan dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan.

Surah Taubah 9:71 menyatakan:

*Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan,
Saling pimpin-memimpin (atau Bantu-membantu)
Mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan ...
Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah.*